



# Program kemahiran di pusat warga tua

Oleh Khamizah Arias  
bhnilita@bh.com.my

**Pelbagai** program disediakan pelbagai pihak untuk warga tua memberikan banyak manfaat termasuk bidang kemahiran, selain mengisi masa berkualiti sepanjang menetap di pusat berkenaan.

Penghuni Rumah Seri Kenangan, Hasnah Md Jam, 77, berkata aktiviti seperti menjahit dan menghasilkan kraf tangan dianjurkan rumah kebaikan itu memberinya pelbagai manfaat dan mampu menjana pendapatan.

“Saya suka dengan aktiviti kraf tangan dan menjahit sejak usia muda lagi. Dulu, kadang-kadang saya menerima tempahan jahitan daripada jiran ketika menetap di Kuala Lumpur.

“Kali ini, saya membuat hiasan pada tudung saji untuk dipamerkan dan dijual pada program ini.

“Saya sebatang kara, tiada saudara-mara. Jadi, saya datang ke sini secara sukarela supaya kehidupan lebih terjamin dan terurus,” katanya yang menghuni Rumah Seri Kenangan sejak tujuh tahun lalu.

Beliau ditemui ketika sambutan Hari Warga Emas peringkat kebangsaan, di Hotel Zenith, Kuantan, Pahang baru-baru ini.

Lebih 2,000 warga tua dari seluruh negara menghadiri majlis itu yang bertujuan menghargai sumbangan dan jasa mereka.

Antara program disediakan

ialah demonstrasi menghias tudung saji, dekorasi balang kaca, jahitan manik tudung dan jualan produk dihasilkan golongan berkenaan.

Sebanyak 10 gerai pameran dibuka untuk memperkenalkan produk kraf tangan yang dihasilkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Rumah Seri Kenangan Cheras dan Rumah Ehsan Kuala Kubu Bharu, Selangor.

Hasnah yang kematian suami dan anak akibat kemalangan jalan raya 40 tahun lalu menjadi penghuni di rumah kebaikan berkenaan kerana hilang tempat bergantung.

## Sedia program kemahiran

Pengajar sambilan UPM, Kasummah Salleh, 63, berkata pihaknya menyediakan pelbagai program kepada penghuni rumah warga tua bagi memastikan kehidupan lebih berkualiti.

Katanya, memberi ilmu kepada golongan tua bukan perkara mudah kerana mereka mempunyai pelbagai ragam dan kerenah.

Beliau berkata, setiap pengajar memerlukan tahap kesabaran yang tinggi supaya warga tua dapat mempelajari pelbagai kemahiran disediakan.

“Kita kena lebih banyak bersabar kerana mereka agak sukar menerima ilmu berikutnya masalah kesihatan seperti penglihatan dan pendengaran. Kami mengajar mereka secara berulang kali sehingga mereka betul-betul dapat menghasilkan kraf tangan sendiri dengan sempurna,” katanya.



Antara penerima anugerah pada sambutan Hari Warga Emas peringkat kebangsaan di Hotel Zenith, Kuantan.

[ FOTO ZULKEPLI OSMAN / BH ]